



TAMADUN ISLAM DALAM BIDANG SENI BINA

SUBJEK: SEJARAH (MENENGAH RENDAH)

Pengenalan:

Penglibatan muzium melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dapat menarik minat pelajar terhadap subjek Sejarah. Oleh itu, Bahagian Pendidikan Muzium Kesenian Islam Malaysia (MKIM) mengambil inisiatif ini untuk menyediakan sumber dan bahan rujukan dalam talian yang boleh digunakan oleh guru atau pengajar bagi menggalakkan penglibatan aktif dalam mempelajari Sejarah. Bahan rujukan dan aktiviti yang disediakan ini dapat menjana pemikiran kritis dan juga dapat membina pemikiran aras tinggi.

Kad aktiviti ini boleh digunakan oleh guru Sejarah (menengah rendah) di dalam kelas. Objek atau artifikat yang terdapat di dalam aktiviti ini adalah koleksi milik MKIM. Para guru boleh mengadakan lawatan sambil belajar atau menggunakan aktiviti ini tanpa perlu hadir ke muzium. Walau bagaimanapun, melalui lawatan yang diadakan, pelajar akan mampu melihat sendiri koleksi yang ada dan cuba mengaitkan dengan pelajaran yang telah mereka pelajari. Koleksi yang dipamerkan di muzium mampu memberikan gambaran yang jelas mengenai peristiwa yang berlaku dan bersesuaian dengan proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah.

Sukatan Matapelajaran:

Buku Teks Sejarah Tingkatan 1 (m/s: 85)

Bab 8 - Tamadun Islam dan Sumbangannya

8.5 Sumbangan Tamadun Islam dalam Bidang Seni Bina

Durasi: 30 minit (Kad aktiviti)

1 minggu (Projek Uji Kefahaman)

Objektif:

- Memahami sumbangan dan pengaruh tamadun dunia dalam bidang seni bina.
- Membezakan rekabentuk seni bina mengikut budaya setempat.
- Menghayati dan menghargai keunikan reka bentuk bangunan.

Arah aktiviti:

- Guru dikehendaki mencetak kad aktiviti ini di atas kertas bersaiz A4 (depan-belakang).
- Bentukkan kumpulan pelajar agihkan kad aktiviti kepada setiap kumpulan.
- Pelajar dikehendaki membincangkan soalan-soalan yang terdapat di belakang kad.
- Setiap kumpulan dikehendaki membacakan soalan dan membentangkan jawapan mereka.
- Kit aktiviti ini dilengkapi dengan Projek Uji Kefahaman yang boleh dimuat turun bersama kad aktiviti ini.
- Guru atau pengajar boleh menghubungi bahagian Pendidikan jika terdapat sebarang kemosyikilan berkenan kit aktiviti ini.

Bahan yang digunakan untuk aktiviti:

- Kertas
- Pen/pensil